

Jangan melampau!

Pengusaha makanan diingatkan berpada-pada letak harga

Sinar 4/1/13 53.

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU – Pengusaha makanan diingatkan supaya berpada-pada dalam menentukan harga dan tidak boleh menjual makanan dengan harga tidak masuk akal sehingga mendatangkan persepsi buruk oleh pelancong yang berkunjung ke negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said berkata, perbuatan meletakkan harga tidak setimpal dengan kualiti barangan yang dijual adalah perbuatan tidak bertanggungjawab dan hanya memikirkan keuntungan dalam tempoh singkat.

“Saya sedih dengan laporan di dada akhbar serta laman sosial yang memberitahu bahawa makanan di Terengganu mahal. Ini adalah satu yang memalukan kita yang mana akan mencemarkan imej negeri kita.

“Untuk menjadi negeri maju terutama dalam aspek pelancongan, apa yang kita perlu titik beratkan ialah kualiti. Tidak hairanlah jika kita tidak boleh maju sebab sikap kita yang suka kaut untung dengan cepat,” katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian pakaian seragam kepada pengusaha kereta sewa di Pusat Dagangan Terengganu (TTC), semalam.



AHMAD

katanya.

Sementara itu, Ketua Sekretariat TMT2013, Ahmad Fathil Abd Ghani berkata, orang ramai yang berhadapan dengan sebarang kemusykilan berkaitan aspek pelancongan sempena TMT2013 boleh menghubungi talian 09-6231957 atau ke pejabat Sekretariat TMT2013 di tingkat 9, Wisma Darul Iman.

“Mereka juga boleh melayari laman sosial facebook, Tahun Melawat Terengganu 2013,” katanya.

Sehubungan itu, Ahmad meminta rakyat negeri ini terutama mereka yang terlibat secara langsung atau secara tidak langsung dalam membantu kerajaan mempromosikan Terengganu sempena Tahun Melawat Terengganu (TMT) 2013 peka dengan perkara itu.

“Kita patut contohi negara-negara maju dari segi sektor pelancongan, Thailand misalnya, sebanyak 60 peratus keuntungan dan sumber kewangan negara diperoleh daripada aspek pelancongan.

“Lihat bagaimana cara mereka berniaga, barangan berkualiti dijual dengan harga murah. Semua orang mahu sesuatu yang berkualiti dengan harga yang berpatutan. Jadi, saya harap semua pihak dapat memainkan peranan mereka dengan baik,”